

Tapak kampus UMS seluas 12 hektar di Apin-Apin

BH 13/09/2011 21

KOTA KINABALU: Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) cawangan Keningau yang akan dibina tidak lama lagi bakal menempatkan program asasi menjurus kepada bidang sains, selain menjadi pusat penyelidikan pertanian dan penterakan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Kamaruzaman Ampon, berkata ia bertujuan menampung kekurangan

pelajar dalam dalam bidang sains dan memenuhi sasaran 60 peratus pelajar dalam program berkaitan sains.

“Kebanyakan program kita dalam bidang sastera. Oleh itu, kita harap program asasi ini dapat menangani kekurangan dihadapi.

“Kedudukan Keningau yang tidak jauh dari Kota Kinabalu bersesuaian bagi program asasi sains. Kampus itu

juga akan dijadikan pusat kecemerlangan pertanian,” katanya selepas majlis lafaz ikrar dan aku janji mahasiswa baru UMS di Dewan Canselor UMS di sini, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman. Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Datuk Rujhan Mustafa.

Seramai 4,593 pelajar baru termasuk 156 pelajar antarabangsa mendaftar bagi sesi 2011/2012 dalam pelbagai pengajian di UMS.

Kamaruzaman berkata, tapak pembinaan kampus UMS cawangan Keningau seluas 12 hektar itu sudah dikenal pasti di Apin-Apin, Keningau.

“Kita harap pembinaan kampus itu dapat dibina secepat mungkin,” katanya.